

4. KAJIAN SOSIOLOGI PESAWAH PADI *INBRED* DI KAWASAN IADA SEBERANG PERAK, IADA KERIAN DAN IADA BARAT LAUT SELANGOR

Ahmad Zairy Zainol Abidin*, Mohamad Fauzi Sukimi**, Engku Elini Engku Ariff* dan Noorhayati Suratmam*

*Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risikan Pasaran dan Agribisnes, MARDI

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

4.1. PENDAHULUAN

Industri padi negara merupakan salah satu tunjang utama dalam memastikan sumber makanan negara mencukupi kepada setiap rakyat Malaysia. Industri ini menjadi keutamaan negara sehingga negara menukar peranan dan fungsi IADA (Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu) daripada sub sektor tanaman, perikanan dan ternakan kepada padi di seluruh Semenanjung Malaysia mulai Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7, 1996 - 2006). Terdapat sebelas kawasan IADA dan tiga daripadanya adalah IADA Kerian, IADA Seberang Perak dan IADA Barat Laut Selangor (BLS) yang terletak di bahagian barat tengah Semenanjung Malaysia.

Pengeluaran padi di Malaysia masih menjadi fokus utama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11, 2016 - 2020) dan Dasar Agromakanan Negara (2011 - 2020) (DAN 2011 - 2020). Dalam RMKe-11, fokus utama bidang pertanian akan menumpukan kepada jaminan bekalan makanan, meningkatkan produktiviti, meningkatkan kemahiran petani, menambah baik khidmat sokongan dan penyampai kepada petani.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang dikenalpasti menjadi kekangan dalam mencapai tahap pengeluaran yang diunjurkan oleh negara iaitu sebanyak purata 6.5 tan pengeluaran seha. Beberapa

faaktor yang dikenal pasti adalah tahap amalan terhadap penggunaan teknologi yang rendah (Rosnani 2016), kawalan import beras oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), kualiti beras dan produktiviti pengeluaran yang masih rendah, dan petani yang tidak mengamalkan amalan pertanian yang disyorkan (Noorlidawati 2015).

Faktor amalan pertanian dan penggunaan teknologi yang rendah diantara ketidakupayaan para petani dalam memahami dan mengamalkan amalan pertanian yang sebetulnya dan menggunakan teknologi dengan optimumnya menjadi punca kekangan yang berlaku yang menunjukkan bahawa para petani seperti masih menggunakan kaedah tradisional untuk menguruskan sawah mereka. Tahap pengeluaran yang rendah ini mewujudkan persoalan sama ada keupayaan petani kini dalam menghasilkan jumlah pengeluaran yang tinggi sebenarnya disebabkan oleh kekurangan bahan sumber atau kelemahan dalam sistem pengendalian oleh para petani sendiri. Oleh itu, kajian ini ingin melihat apakah penyumbang kepada wujudnya jurang sosiologi pesawah dalam penghasilan padi yang optimum serta impak input subsidi.

4.2. LATAR BELAKANG

Kemajuan dalam sektor pertanian dikatakan telah mencapai tahap pelaksanaan pertanian moden dalam kalangan pesawah kerana telah terdapat banyak bantuan-bantuan terutama jentera dan mekanisasi dalam menjalankan operasi seharian mereka. Bantuan serta khidmat nasihat daripada pihak agensi pengembangan seperti daripada Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Persatuan Pertubuhan Peladang Malaysia (NAFAS) turut diberikan untuk memastikan modal insan petani-petani berada pada tahap pertanian moden.

Terdapat pandangan bahawa para pesawah masih mengamalkan sistem pertanian tradisional seperti mengusahakan sawah secara manual, amalan kerja yang lebih kepada konsep tanam, tinggal dan tuai,

dan tidak mahu menggunakan teknologi baru dikatakan di antara sebab berlakunya kekurangan tahap pengeluaran yang ada kini. Tetapi ada juga dakwaan yang mengatakan bahawa tahap pesawah kini telah mencapai tahap pertanian moden kerana telah diperkenalkan kepada teknologi-teknologi baru yang berkaitan dengan industri sawah padi. Perubahan terhadap amalan pertanian moden ini diperlukan untuk memastikan keupayaan pengeluaran padi dan beras dapat dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan negara menjelang tahun 2020.


Namun, apakah yang menjadi kayu pengukur dalam menentukan sama ada para pesawah ini berada di tahap pengeluaran yang optimum. Walaupun telah ada teknologi-teknologi terkini disediakan untuk membantu pelaksanaan para petani, adakah amalan kerja dalam kalangan petani telah membantu memastikan pengeluaran berhasil seperti yang diharapkan?. Amalan kerja dalam kalangan pesawah itu sendiri perlu dilihat sama ada telah mencapai piawai yang boleh dibandingkan dalam membezakan keupayaan hasil dan pendapatan yang diperoleh oleh petani sawah padi berdasarkan kawasan penanaman.

Kajian ini juga merupakan pecahan kajian daripada kajian utama iaitu Kajian Penilaian Ekonomi dan Sosilogi Penanam Padi Inbred yang berlangsung daripada 2016 - 2020. Laporan ini merupakan laporan awalan bahagian ke-3 yang dilaporkan meliputi kawasan IADA Kerian, IADA Seberang Perak dan IADA Barat Laut Selangor. Laporan awalan terdahulu telah meliputi kawasan jelapang seperti MADA dan IADA Pulau Pinang (2016), dan KADA, IADA Kemasin Semerak, dan IADA KETARA (2017). Pendekatan kajian dan pelaporan adalah menggunakan kaedah yang sama bagi setiap jelapang yang dilaksanakan bagi memastikan keseragaman hasil dapatan yang dijalankan.

4.3. METODOLOGI


4.3.1. Kerangka model

Kajian ini menggunakan Model Struktur-Proses-Budaya (SPB) oleh Paulu Wirotomo (2011). Model ini digunakan bagi menunjukkan bagaimakah hubung kait antara struktur, proses dan budaya membentuk satu proses kerja yang lengkap bagi memastikan amalan kerja berjalan dengan betul. Analisis ini menilai cara struktur, proses dan budaya petani sawah dalam mengenal pasti keberkesanan dalam mendapatkan hasil yang tinggi dan juga manfaat penggunaan input subsidi. Analisis ini juga berupaya membandingkan keupayaan hasil dan pendapatan yang diperoleh oleh petani sawah padi berdasarkan kawasan penanaman dalam konteks proses kerja mereka.



Rajah 4.1. Model struktur, proses dan budaya

Sumber: Paulu Wirotomo (2011)



Rajah 4.2. Huraian model struktur, proses dan budaya

Kajian ini menggunakan soalan-soalan yang dibina berdasarkan kepada model struktur, proses dan budaya bagi menjawab persoalan mengenai faktor wujudnya jurang hasil dan juga impak penggunaan subsidi padi kepada hasil para petani seperti dalam *Jadual 4.1*.

Jadual 4.1. Kerangka soalan kajian

Persoalan	Struktur	Proses	Budaya
Faktor yang menyumbang kepada jurang hasil padi	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan fizikal dan bukan fizikal • Agensi yang terlibat dalam khidmat nasihat dan lain-lain • Aturan/garis panduan yang ada 	<ul style="list-style-type: none"> • Proses kerja / pelaksanaan • Kerja yang dijalankan mengikut garis panduan yang ditetapkan • Kaedah yang digunakan sesuai ataupun tidak 	<ul style="list-style-type: none"> • Amalan kerja yang positif yang diamalkan • Nilai-nilai positif petani yang ada dan dikenal pasti
	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Semakin baik struktur, semakin tinggi prestasi/hasil 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Semakin banyak proses dilaksanakan, semakin tinggi prestasi/hasil 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Semakin tinggi amalan budaya, semakin tinggi prestasi/hasil
Impak penggunaan input subsidi kepada hasil padi	<ul style="list-style-type: none"> • Subsidi merupakan satu bentuk struktur • Penilaian berdasarkan kepada 	<ul style="list-style-type: none"> • Cara penggunaan/ aplikasi subsidi yang digunakan menepati apa yang disyorkan 	<ul style="list-style-type: none"> • Amalan yang digunakan/ diamalkan oleh petani dalam penggunaan

penerimaan terhadap jenis-jenis subsidi yang diterima	<ul style="list-style-type: none"> • Menerima/ tidak menerima khidmat nasihat yang diberikan 	<ul style="list-style-type: none"> • subsidi yang diberikan • Berkaitan dengan nilai dan norma amalan kerja yang diberikan
---	---	--

4.3.2. Sumber dan pengumpulan data

Kajian sosiologi ini menggunakan data primer dan sekunder daripada Kajian Penilaian Ekonomi Padi Inbred iaitu kajian bersama yang dijalankan untuk kajian induk bertajuk Kajian Penilaian Ekonomi dan Sosiologi Padi Inbred. Data sekunder diperoleh daripada agensi yang terlibat iaitu IADA Seberang Perak, IADA Kerian dan IADA Barat Laut Selangor (IADA BLS). Maklumat keluasan dan pembahagian kawasan dianalisis untuk mendapatkan kaedah pensampelan yang bersesuaian. Survei (data primer) kepada petani dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur. Borang soal selidik dibina berdasarkan analisis survei kumpulan fokus yang dijalankan di IADA Seberang Perak, IADA Kerian dan IADA BLS.

Pengumpulan data primer melalui dua fasa. Fasa pertama ialah pengumpulan maklumat melalui survei kumpulan fokus yang dijalankan terhadap pegawai pengembangan, petani dan *service provider*. Maklumat yang dikumpulkan ialah tarikh penanaman, jenis tanah, varieti pada yang ditanam, kategori *service provider* dan amalan penanaman padi.

Fasa kedua dijalankan oleh pegawai pengembangan di kawasan jelapang terpilih. Pengumpulan data dilaksanakan selama dua musim iaitu musim utama dan luar musim. Kajian menggunakan kaedah pensampelan berstrata. Petani dan *service provider* dipilih secara rawak daripada setiap kawasan. *Jadual 4.2* menunjukkan pensampelan responden.

Jadual 4.2. Bilangan responden mengikut jelapang

Jelapang	Kawasan (wilayah/ daerah/ jajahan/ zon)	Petani
IADA Seberang Perak	2	60
IADA Kerian	1	60
IADA Barat Laut Selangor (BLS)	2	60

4.3.3. Analisis kajian

Analisis deskriptif dilaksanakan untuk menterjemahkan dapatan kajian yang ditafsirkan dengan jumlah dan peratusan untuk menunjukkan bagaimanakah tahap amalan kerja yang dilakukan oleh para petani dalam memenuhi model struktur, proses dan budaya. Data yang diperoleh juga dilakukan analisis berjadual silang untuk mendapatkan kesimpulan dan hubungan di antara dapatan kajian yang diperoleh.

Dalam melaksanakan proses analisis, terdapat beberapa proses pelaksanaan yang perlu dilakukan dalam memproses data iaitu pengeditan, pengekodan, membuat jadual dan akhirnya analisis data. Secara ringkasnya, proses pengeditan dilakukan bagi memastikan semua soalan dijawab sepenuhnya oleh responden. Proses pengekodan pula dilakukan dengan membuat pelabelan ke atas semua pemboleh ubah untuk memudahkan analisis menggunakan perisian komputer. Bagi memudahkan proses analisis, penjadualan data dilakukan agar semua data yang diperoleh tersusun dan mudah difahami.

Akhir sekali, data yang telah dilabelkan, dimasukkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Statistics v.23. Hasil dapatan daripada analisis ini akan membolehkan kita menentukan apakah penyumbang kepada wujudnya jurang dalam penghasilan padi yang optimum serta impak input subsidi dalam kalangan pesawah.

4.4. DAPATAN KAJIAN

Ketiga-tiga kawasan jelapang padi iaitu IADA Seberang Perak, IADA Kerian dan IADA BLS merupakan kawasan jelapang yang menjalankan

kerja-kerja seharian mereka berdasarkan kepada panduan penanaman padi yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian dan juga daripada manual yang dikeluarkan oleh MARDI. Namun begitu panduan-panduan yang ada ini kadang kala tidak dipatuhi dan ini menyumbang kepada kurangnya keberkesanan dalam pengeluaran padi yang optimum. Kewujudan jurang hasil di antara ketiga-tiga kawasan ini akan di nilai dengan berpandukan kepada model struktur, proses dan budaya berdasarkan kepada soalan-soalan kajian seperti berikut dalam *Jadual 4.3* bagi mengukur faktor penyebab jurang hasil.

Jadual 4.3. Variabel soalan untuk mengukur faktor penyumbang jurang hasil padi

Senarai faktor-faktor yang penyumbang kepada jurang hasil					
Struktur		Proses		Budaya	
JS1.	Lokasi sawah (dekat dengan sumber air)	JP1.	Pelaksanaan sawah	JB1.	Faedah kursus
JS2.	Jenis tanah	JP2.	Pemantauan	JB2.	Peningkatan pengetahuan daripada kursus
JS3.	Hadir kursus	JP3.	Aktiviti ladang mengikut panduan penanaman	JB3.	Kepercayaan terhadap sumber maklumat
JS4.	Terima subsidi	JP4.	Masalah dan keangan	JB4.	Keberkesanan maklumat yang diberikan oleh agensi
JS5.	Penglibatan agensi			JB5.	Faktor persekitaran
JS6.	Panduan penanaman (<i>rice check</i>)			JB6.	Faktor lokasi
				JB7.	Faktor amalan

Model yang sama juga digunakan untuk menjawab impak pengguna input subsidi kepada hasil padi dan pendapatan petani berdasarkan soalan-soalan kajian seperti dalam *Jadual 4.4*.

Jadual 4.4. Variabel soalan untuk mengukur impak penggunaan subsidi kepada hasil padi

Senarai faktor-faktor yang memberikan impak terhadap penggunaan subsidi terhadap hasil padi					
Struktur		Proses		Budaya	
SS1.	Menerima/ tidak menerima bantuan jenis-jenis subsidi yang diberikan kerajaan.	SP1.	Menerima bantuan subsidi pada masa yang sepatutnya.	SB1.	Keberkesanan bantuan subsidi terhadap peningkatan hasil.
				SB2.	Kesan penggunaan subsidi terhadap gaya kehidupan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hasil padi bagi ketiga-tiga kawasan adalah berbeza dengan IADA Barat Laut Selangor merupakan kawasan jelapang yang mempunyai hasil tertinggi di ikuti oleh IADA Seberang Perak dan IADA Kerian seperti dalam *Jadual 4.5*.

Jadual 4.5. Hasil padi mengikut jelapang

Kawasan	Purata Hasil (tan)
IADA Seberang Perak	5.60
IADA Kerian	4.59
IADA Barat Laut Selangor (BLS)	6.30

Sumber: Data kajian (2018)

Perbezaan hasil di ketiga-tiga kawasan ini boleh dijelaskan dengan melihat apakah amalan kerja yang diamalkan oleh para petani dan melihat perbezaan yang menyebabkan berlakunya perbezaan hasil bagi kawasan-kawasan tersebut berdasarkan model struktur, proses dan budaya.

4.4.1. Faktor yang penyumbang kepada jurang hasil

Model struktur, proses dan budaya akan menerangkan bagaimana STRUKTUR yang disediakan oleh pihak Kementerian atau Agensi dan PROSES iaitu amalan kerja yang sepatutnya dilakukan oleh petani akan menyebabkan satu BUDAYA dalam kalangan petani yang menunjukkan kecukupan struktur, pematuhan amalan proses yang akan membentuk budaya yang positif dan baik dalam kalangan para petani ini. Model ini juga akan mengenal pasti apakah perbezaan yang wujud di antara kawasan-kawasan jelapang ni dan faktor-faktor penyumbang kepada jurang hasil di antara ketiga kawasan jelapang ini.

4.4.1.1. Analisis struktur untuk faktor yang penyumbang kepada jurang hasil

Analisis untuk STRUKTUR, enam soalan digunakan untuk menilai faktor penyumbang kepada berlakunya jurang hasil di ketiga-tiga kawasan jelapang ini. Keenam-enam soalan tersebut adalah seperti dalam *Jadual 4.6*.

Jadual 4.6. Penerangan variabel soalan struktur untuk mengukur faktor penyumbang jurang hasil padi

	Variabel	Penerangan variabel
JS1.	Lokasi sawah (dekat dengan sumber air)	Lokasi sawah yang dekat dengan sumber air akan membantu meningkatkan hasil.
JS2.	Jenis tanah	Jenis tanah yang ada mempengaruhi peningkatan hasil.
JS3.	Hadir kursus	Peratus pesawah yang hadir pelbagai kursus untuk meningkatkan pemahaman akan membantu meningkatkan hasil.
JS4.	Terima subsidi	Bilangan jenis subsidi yang diterima dalam membantu meningkatkan hasil.
JS5.	Penglibatan agensi	Penglibatan agensi lain (MARDI, JP, LPP - maklumat, bantuan dan teknologi) mempengaruhi peningkatan hasil
JS6.	Panduan penanaman (<i>rice check</i>)	Panduan amalan pertanian yang baik diberikan kepada para petani untuk membantu meningkatkan hasil

Ketujuh-tujuh soalan ini ditanyakan bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan dalam konteks struktur yang diguna pakai di antara ketiga-tiga kawasan jelapang ini. Struktur memberikan satu garis panduan mengenai bagaimanakah bantuan yang sumbangan yang diberikan oleh pihak kementerian atau agensi yang berkaitan dalam membantu para petani sawah dalam kegiatan menanam mereka.

Jadual 4.7 dan *Lampiran 4.1* merupakan dapatan yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dalam kadar kehadiran kursus, jumlah penerimaan jenis baja subsidi dan keperluan penglibatan agensi lain selain IADA dalam membantu para petani dalam menjalankan aktiviti pertanian mereka.

Jumlah kehadiran kursus yang rendah bagi IADA Kerian (53%) dan IADA BLS (32%). Peratusan yang rendah di kedua-dua IADA menunjukkan bahawa mereka merasakan tidak ada keperluan yang utama untuk menghadiri kursus berkaitan. Namun begitu, petani di kedua-dua kawasan tersebut menunjukkan implikasi yang berbeza hasil daripada kurangnya menghadiri kursus terhadap hasil mereka. Petani di IADA BLS walaupun kurang menghadiri kursus, mereka masih berupaya untuk mendapat hasil yang tertinggi berbanding dengan dua lagi kawasan iaitu sebanyak 6.30 tan berbanding IADA Kerian hanya 4.59 tan, terendah diantara tiga kawasan ini. Perbezaan ini memberikan

petanda bahawa petani di IADA Kerian sebenarnya masih memerlukan kursus untuk membantu meningkatkan hasil mereka berbanding IADA BLS yang mana pengetahuan berkaitan penanaman padi telah di peroleh dan digunakan sebaiknya sehingga tidak memerlukan pendedahan lanjut melalui kursus lagi.

Penerimaan jenis subsidi juga berbeza yang mana ketiga-tiga kawasan ini menerima hanya tujuh jenis subsidi berbanding dengan 11 jenis yang sepatutnya diperolehi jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan jelapang yang lain yang dikaji sebelum ini. Empat jenis subsidi yang tidak diterima adalah penggalak percambahan benih, baja semburan dedaun, tonik tanaman dan kapur. Namun begitu dimaklumkan bahawa perbezaan ini berlaku kerana berlaku perubahan keputusan daripada Kementerian yang melakukan semakan semula berkenaan keputusan pemberian subsidi di mana mulai tahun 2017, tidak kesemua jelapang akan menerima semua jenis subsidi, sebaliknya subsidi akan diberikan berdasarkan kepada keperluan di jelapang sahaja.

Berkaitan penglibatan agensi lain pula, didapati bahawa ketiga-tiga kawasan jelapang ini, mendapatkan bantuan daripada agensi lain selain bantuan daripada IADA sendiri iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Namun begitu, di IADA Kerian, mereka juga mendapatkan bantuan tambahan daripada Jabatan Pertanian juga untuk membantu menjalankan aktiviti penanaman padi mereka. Kebergantungan kepada banyak agensi selain IADA menunjukkan menggambarkan bahawa keupayaan IADA kawasan perlu meningkatkan keupayaan untuk membantu para petani di kawasan mereka.

Jadual 4.7. Faktor penyumbang Struktur kepada jurang hasil padi

Jelapang	Faktor penyumbang perbezaan jurang hasil variabel Struktur
IADA Seberang Perak	-Penerimaan subsidi -Penglibatan agensi
IADA Kerian	-Kehadiran kursus -Penerimaan subsidi -Penglibatan agensi
IADA Barat Laut Selangor	-Kehadiran kursus -Penerimaan subsidi -Penglibatan agensi

Sumber: Data kajian (2018)

4.4.1.2. Analisis Proses untuk faktor yang penyumbang kepada jurang hasil

Empat soalan digunakan untuk menunjukkan PROSES di mana berupaya menunjukkan bagaimana amalan mereka mempengaruhi hasil padi para petani. Keempat-empat soalan seperti dalam *Jadual 4.8*.

Jadual 4.8. Penerangan variabel soalan proses untuk mengukur faktor penyumbang jurang hasil padi

Variabel	Penerangan variabel
JP1. Status pesawah	Status pesawah sama ada sepenuh masa (melakukan sendiri kerja-kerja bersawah), separuh masa (melakukan kerja bersawah dengan mengupah pihak ketiga) dan usahawan (mereka yang menceburi bidang padi tanpa mempunyai latar belakang menanam padi) mempengaruhi peningkatan hasil
JP2. Pemantauan tanaman	Pemantauan kerap terhadap tanaman yang memberi kesan kepada peningkatan hasil (dalam tempoh seminggu)
JP3. Aktiviti ladang mengikut panduan penanaman	Melakukan semua aktiviti (sembilan jenis aktiviti utama sawah) seperti disarankan dalam panduan penanaman memberikan kesan terhadap peningkatan hasil
JP4. Masalah dan kekangan	Masalah yang tinggi dihadapi mengurangkan hasil

Keempat-empat soalan tersebut ditanyakan untuk memberikan jawapan sama ada para petani tersebut melaksanakan atau tidak proses kerja yang sepatutnya dibagi memastikan pengeluaran hasil padi berada pada kemampuan maksimum. Dapatan kajian (*Jadual 4.9* dan *Lampiran 4.2*) mendapati bahawa status pesawah dan aktiviti pemantauan sawah tidak mempengaruhi terhadap jurang hasil di antara kawasan jelapang tersebut.

Pelaksanaan petani dalam melaksanakan aktiviti ladang mengikut aktiviti sawah yang utama pula mendapati bahawa terdapat enam aktiviti tidak dilaksanakan sebaiknya berdasarkan panduan yang disyorkan di antara ketiga-tiga kawasan jelapang tersebut. Bagi IADA Seberang Perak, aktiviti yang perlu dipertingkatkan pelaksanaan adalah penyediaan benih, penyediaan tanah, pembajaan, pengurusan rumpai dan pengurusan perosak dan penyakit. Petani di IADA Kerian pula, tumpuan perlu diberikan kepada aktiviti penyediaan benih, penyediaan tanah, pengurusan air, pembajaan, pengurusan rumpai dan pengurusan perosak dan penyakit. Manakala bagi IADA BLS, aktiviti penyediaan benih, penyediaan tanah, pengurusan air, pembajaan, pengurusan rumpai dan pengurusan perosak dan penyakit.

Masalah dan kekangan yang dihadapi oleh para petani di ketiga kawasan tersebut berbeza mengikut jelapang di mana didapati di IADA Kerian, masalah penyakit dan perosak dan khidmat agensi. Masalah perosak, penyakit dan rumpai merupakan masalah di IADA Kerian berbanding jelapang lain seiring dengan kelemahan pengurusan rumpai, perosak dan penyakit dalam amalan ladang mereka.

Jadual 4.9. Faktor penyumbang Proses kepada jurang hasil padi

Jelapang	Faktor penyumbang perbezaan jurang hasil variabel Proses
IADA Seberang Perak	-Pelaksanaan aktiviti ladang iaitu i) penyediaan benih ii) penyediaan tanah iii) pembajaan iv) pengurusan rumpai v) pengurusan perosak dan penyakit -Masalah & kekangan dari aspek kos modal
IADA Kerian	-Pelaksanaan aktiviti ladang iaitu i) penyediaan benih ii) penyediaan tanah iii) pengurusan air iv) pengurusan rumpai v) pengurusan perosak dan penyakit -Masalah dan kekangan dari aspek i) kos modal ii) penyakit dan perosak iii) khidmat agensi

IADA Barat Laut Selangor	-Pelaksanaan aktiviti ladang iaitu i) penyediaan benih ii) penyediaan tanah iii) pembajaan iv) pengurusan air v) pengurusan rumpai vi) pengurusan perosak dan penyakit -Masalah & kekangan dari aspek kos modal
--------------------------	--

Sumber: Data kajian (2018)

4.4.1.3. Analisis Budaya untuk faktor yang penyumbang kepada jurang hasil

Analisis BUDAYA pula menerangkan bagaimana STRUKTUR yang disediakan oleh pihak Kementerian atau Agensi dan PROSES iaitu amalan kerja yang sepatutnya dilakukan oleh petani akan menyebabkan satu BUDAYA di kalangan petani yang menunjukkan keberkesanan struktur dan proses membentuk budaya yang positif dan baik di kalangan para petani ini. Untuk itu, tujuh soalan ditanyakan untuk melihat apakah budaya yang terbentuk di kalangan para petani ini di kawasan-kawasan tersebut. Tujuh soalan tersebut adalah seperti dalam *Jadual 4.10*.

Jadual 4.10. Penerangan variabel soalan budaya untuk mengukur faktor penyumbang jurang hasil padi

Variabel	Penerangan variabel
JB1 - Faedah kursus	Kursus yang dihadiri sangat berfaedah kepada petani yang mana membantu dalam meningkatkan hasil
JB2 - Peningkatan pengetahuan daripada kursus	Tahap pengetahuan daripada kursus yang dihadiri membantu meningkatkan tahap pengetahuan berkaitan amalan penanaman yang membantu dalam meningkatkan hasil
JB3 - Kepercayaan terhadap sumber maklumat	Tahap kepercayaan terhadap sumber yang menyampaikan maklumat sangat dipercayai yang mana membantu dalam meningkatkan hasil
JB4 - Keberkesanan maklumat yang diberikan oleh agensi	Maklumat yang disampaikan kepada petani oleh agensi sangat berkesan yang mana membantu dalam meningkatkan hasil
JB5 - Faktor persekitaran	Pandangan positif mengenai faktor persekitaran mempengaruhi dalam meningkatkan hasil
JB6 - Faktor lokasi	Pandangan positif mengenai faktor lokasi sawah mempengaruhi dalam meningkatkan hasil
JB7 - Faktor amalan	Pandangan positif mengenai faktor amalan pesawah mempengaruhi dalam meningkatkan hasil

Analisis yang dilakukan bagi ketujuh-tujuh soalan tersebut (*Jadual 4.11 dan Lampiran 4.3*) menunjukkan bahawa petani di IADA BLS melihat bahawa faedah daripada kursus, sumber maklumat dan lokasi sawah memberikan kesan wujudnya jurang hasil di kalangan mereka. Namun begitu, jika dilihat dengan lebih mendalam, didapati bahawa perbezaan yang dinyatakan tersebut adalah bersifat songsang dengan andaian yang lazimnya diandaikan yang mana petani di kawasan tersebut dilihat walaupun mempunyai kadar penerimaan kursus, kebergantungan kepada sumber maklumat seperti pegawai agensi dan sebagainya serta faktor lokasi, tidak memberikan kesan utama kerana mereka telah melakukan amalan-amalan kerja berdasarkan kepada struktur dan proses yang sepatutnya yang menyebabkan mereka tidak memerlukan kursus tambahan, nasihat lanjut daripada pegawai agensi dan juga kerbergantungan kepada keadaan lokasi sawah mereka.

Petani di IADA Kerian pula menunjukkan ada perbezaan di antara jelapang daripada faktor budaya hanya pada kepercayaan kepada sumber maklumat di mana sumber yang mereka kurang percaya adalah daripada syarikat swasta dan rakan-rakan berbanding daripada nasihat daripada pegawai perkembangan agensi dan juga pegawai-pegawai yang bertauliah seperti daripada PPK, Jabatan Pertanian dan juga wakil-wakil ketua blok mereka.

Jadual 4.11. Faktor penyumbang Budaya kepada jurang hasil padi

Jelapang	Faktor penyumbang perbezaan jurang hasil variabel Budaya
IADA Seberang Perak	-Tiada
IADA Kerian	-Kepercayaan terhadap sumber maklumat
IADA Barat Laut Selangor	-Faedah kursus -Kepercayaan terhadap sumber maklumat -Faktor lokasi

Sumber: Data kajian (2018)

4.4.2. Impak terhadap penerimaan subsidi terhadap hasil padi

Penilaian bagi menentukan impak penerimaan subsidi kepada para petani menggunakan model struktur, proses dan budaya berupaya

menerangkan bagaimanakah dengan pemberian subsidi memberikan kesan kepada para petani dan seterusnya kepada keberhasilan hasil padi. STRUKTUR dalam impak penerimaan subsidi kepada petani menerangkan apakah jenis-jenis subsidi yang diberikan oleh kerajaan kepada para petani, PROSES pula menilai waktu penerimaan subsidi-subsidi ini kepada para petani dan BUDAYA menjelaskan keberkesanan subsidi terhadap sawah mereka dan juga kesan kepada kehidupan para petani.

4.4.2.1. Analisis struktur untuk impak terhadap penerimaan subsidi terhadap hasil padi

Impak struktur bagi penerimaan input subsidi melihat kepada apakah bentuk pemberian subsidi yang diterima oleh para petani. *Jadual 4.12* dan *Lampiran 4.4* menunjukkan terdapat 11 jenis subsidi yang diterima oleh para petani merangkumi daripada bantuan jentera, baja, racun, dan harga padi. Ketiga-tiga jelapang menerima tujuh daripada sebelas yang diberikan kecuali untuk pengalok percambahan benih, baja semburan daun, tonik tanaman dan kapur selaras dengan keputusan daripada Kementerian yang pada 2017, tidak kesemua jelapang akan menerima semua jenis subsidi, sebaliknya subsidi akan diberikan berdasarkan kepada keperluan di jelapang sahaja.

Jadual 4.12. Impak Struktur bagi penerimaan input subsidi

Jelapang	Impak penerimaan input subsidi bagi variabel Struktur
IADA Seberang Perak	-Menerima hanya tujuh daripada 11 jenis subsidi yang diberikan
IADA Kerian	-Menerima hanya tujuh daripada 11 jenis subsidi yang diberikan
IADA Barat Laut Selangor	-Menerima hanya tujuh daripada 11 jenis subsidi yang diberikan

Sumber: Data kajian (2018)

4.4.2.2. Analisis Proses untuk impak terhadap penerimaan subsidi terhadap hasil padi

Analisis proses bagi impak penerimaan input subsidi menilai bilakah masa para petani menerima bantuan subsidi berdasarkan kepada

penjadualan yang sepatutnya diterima kerana bantuan-bantuan subsidi ini seharusnya dapat kepada para petani berdasarkan kepada jadual penanaman yang telah dirancang selari dengan manual penanaman padi. Didapati bahawa secara umumnya, kesemua kawasan jelapang menerima bantuan subsidi tersebut tepat pada masanya seperti yang dirancang oleh para petani bersama-sama dengan pihak agensi terbabit (*Jadual 4.13* dan *Lampiran 4.5*) kecuali di IADA Seberang Perak yang mana petani di sana menyatakan bahawa mereka menerima lewat racun perosak. Namun begitu, kesan daripada kelewatan penerimaan racun perosak ini tidak menjejaskan kadar penggunaan baja subsidi yang diterima dan juga kepada hasil di kawasan tersebut.

Jadual 4.13. Impak Proses bagi penerimaan input subsidi

Jelapang	Impak penerimaan input subsidi bagi variabel Proses
IADA Seberang Perak	-Tempoh menerima racun perosak
IADA Kerian	-Tiada
IADA Barat Laut Selangor	-Tiada

Sumber: Data kajian (2018)

4.4.2.3. Analisis Budaya untuk impak terhadap penerimaan subsidi terhadap hasil padi

Bagi melihat impak keberkesanan input kepada peningkatan hasil dalam sudut budaya, dua soalan ditanyakan untuk melihat bagaimanakah subsidi ini memberikan kesan kepada para petani. Dua soalan tersebut adalah seperti dalam *Jadual 4.14*.

Jadual 4.14. Penerangan variabel soalan budaya untuk mengukur impak penerimaan subsidi

Variabel	Penerangan variabel
SB1-Keberkesanan terhadap peningkatan hasil	Pandangan keberkesanan setiap jenis bantuan subsidi yang diterima kepada peningkatan hasil
SB2-Kesan penggunaan terhadap kehidupan	Pandangan terhadap bantuan subsidi dalam peningkatan hasil kepada kehidupan petani

Analisis budaya melihat bagaimana keberkesanan bantuan subsidi terdapat para petani berdasarkan kepada dua perseptif iaitu keberkesanan bantuan subsidi itu sendiri dan kesanya kepada kehidupan para petani. *Jadual 4.15* dan *Lampiran 4.6* menunjukkan

bantuan subsidi yang diterima memberikan impak positif kepada para petani kecuali untuk racun perosak, baja organik dan subsidi harga padi yang diterima di IADA Seberang Perak. IADA Kerian menyatakan bahawa racun perosak dan baja organik tidak memberikan kesan kepada peningkatan hasil manakala di IADA BLS, baja organik dikatakan tidak memberikan kesan kepada peningkatan hasil.

Kesan terhadap kehidupan petani pula mendapati melalui bantuan subsidi ini, terdapatnya peningkatan yang positif terhadap aktiviti sawah, kesuburan tanah, kos upah, kos pengeluaran, peningkatan pendapatan, dan keselesaan hidup kecuali, di IADA BLS yang mana petani di sana menyatakan tiada perbezaan kesan daripada penerimaan subsidi ini kepada mereka. Namun begitu, bantuan subsidi bagi menangani masalah rumpai dan penyakit dan perosak, kesan bantuan subsidi yang diberikan tidak memberikan kesan kepada petani di IADA BLS dan bagi IADA Seberang Perak, masalah rumpai, penyakit dan perosak masih meningkat. Hal ini mungkin berlaku kerana amalan para petani yang kurang menjaga kawalan rumpai, penyakit dan perosak dengan betul seperti yang disyorkan oleh amalan ladang yang sepatutnya yang menyebabkan bantuan yang diterima tidak memberikan impak yang sepatutnya seperti yang diharapkan.

Jadual 4.15. Impak Budaya bagi penerimaan input subsidi

Jelapang	Impak penerimaan input subsidi bagi variabel Budaya
IADA Seberang Perak	-Keberkesanan racun perosak, baja organik dan harga padi -Memberikan kesan terhadap masalah rumpai dan perosak
IADA Kerian	-Keberkesanan racun perosak dan baja organik -Tidak memberikan kesan kepada masalah penyakit dan perosak -Memberikan kesan terhadap masalah rumpai
IADA Barat Laut Selangor	-Keberkesanan baja organik -Tidak memberikan kesan kepada aktiviti sawah, kesuburan tanah, kos upah, peningkatan pendapatan, keselesaan hidup, kos pengeluaran, masalah rumpai dan perosak

Sumber: Data kajian (2018)

4.5. SARANAN

Berdasarkan kepada kajian ini, beberapa saranan penambahbaikan disyorkan bagi ketiga-tiga kawasan jelapang terutama kepada agensi dan para petani. Saranan-saranan tersebut adalah seperti di *Jadual 4.16*.

Jadual 4.16. Saranan penambahbaikan kepada agensi dan petani

Saranan penambahbaikan	Peranan agensi	Peranan petani
IADA Seberang Perak	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Memastikan bantuan-bantuan subsidi diterima oleh para petani tepat pada masanya seperti yang disyorkan berdasarkan jadual penanaman padi ➢ Meningkatkan peranan dan penglibatan serta tahap pengetahuan para pegawai dalam agensi bagi membantu memastikan maklumat dan hebahan berkaitan sampai kepada para petani 	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Meningkatkan pelaksanaan aktiviti ladang seperti persediaan penyediaan benih dan tanah, pembajaan, pengurusan rumpai, perosak dan penyakit bagi membaiki pengeluaran hasil ➢ Mempelajari kaedah dan cara mengurus yang lebih baik untuk mengatasi peningkatan kos input
IADA Kerian	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Menawarkan kursus yang menjadi keperluan kepada para petani dalam usaha untuk meningkatkan hasil para petani ➢ Meningkatkan peranan dan penglibatan serta tahap pengetahuan para pegawai dalam agensi bagi membantu memastikan maklumat dan hebahan berkaitan sampai kepada para petani ➢ Meningkatkan pemantauan di kalangan para petani dalam mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh mereka 	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Meningkatkan pelaksanaan aktiviti ladang seperti persediaan penyediaan benih dan tanah, pengurusan air, rumpai, perosak dan penyakit bagi membaiki pengeluaran hasil ➢ Mempelajari kaedah dan cara mengurus yang lebih baik untuk mengatasi peningkatan kos input ➢ Para petani perlu lebih kerap membuat pemantauan di sawah terutama bagi mengenal pasti perosak dan penyakit agar pencegahan awal dapat dilakukan

Saranan penambahbaikan	Peranan agensi	Peranan petani
IADA Barat Laut Selangor	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Menawarkan kursus yang menjadi keperluan kepada para petani dalam usaha untuk meningkatkan hasil para petani ➤ Meningkatkan peranan dan penglibatan serta tahap pengetahuan para pegawai dalam agensi bagi membantu memastikan maklumat dan hebahan berkaitan sampai kepada para petan 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Para petani perlu lebih kerap membuat pemantauan di sawah terutama bagi mengenal pasti perosak dan penyakit agar pencegahan awal dapat dilakukan ➤ Meningkatkan pelaksanaan aktiviti ladang seperti persediaan penyediaan benih dan tanah, pembajaan, pengurusan air, rumpai, perosak dan penyakit bagi membaiki pengeluaran hasil ➤ Mempelajari kaedah dan cara mengurus yang lebih baik untuk mengatasi peningkatan kos input

4.6. RUMUSAN

Industri padi merupakan satu industri yang dijalankan seawal penubuhan Malaysia. Amalan kerja dalam kalangan para petani ini bermula dengan amalan yang di turunkan oleh generasi terdahulu kepada generasi seterusnya. Kemudian sistem amalan ini ditambah baik oleh agensi-agensi kerajaan bagi menjamin satu kaedah penanaman yang baik dan berupaya menghasilkan hasil padi yang baik dan bermutu tinggi. Bantuan-bantuan dan khidmat nasihat juga diberikan oleh pihak kerajaan demi memastikan hasil padi dapat dipertingkatkan dan mempunyai mutu yang tinggi.

Amalan kerja juga disyorkan kepada para petani bagi menyokong bantuan dan khidmat nasihat sebagai panduan oleh para petani. Oleh itu, untuk menilai sama ada amalan-amalan ini dilaksanakan oleh para petani, analisis menggunakan model struktur, proses dan budaya oleh Paulu Wirotomo mampu untuk menjelaskan apakah tahap amalan kerja oleh para petani ini di ketiga-tiga jelapang padi ini yang mempengaruhi perbezaan jurang hasil mereka dan juga impak kepada penggunaan input subsidi terhadap para petani. Ketiga-tiga kawasan jelapang ini didapati mengeluarkan hasil purata (musim utama dan luar musim) yang berbeza iaitu pada 5.60 tan di IADA Seberang Perak, 4.59 tan di IADA

Kerian dan 6.30 tan di IADA Barat Laut Selangor. Perbezaan hasil purata ini menunjukkan bahawa adanya perbezaan amalan kerja yang dilaksanakan oleh para petani yang menjadi faktor berlakunya jurang hasil di kawasan-kawasan ini.

Perbezaan amalan kerja oleh para petani dan juga peranan agensi menunjukkan perlunya penambahbaikkkan oleh kedua-dua pihak untuk memastikan jurang hasil yang berlaku dapat dikurangkan. Peranan daripada para petani hendaklah bersedia untuk menerima pendedahan-pendedahan baru untuk membantu mereka dalam pengurusan amalan ladang mereka. Penambahbaikkkan dalam amalan pengurusan ladang terutama untuk pengurusan penyakit, perosak dan rumpai adalah amat penting. Memperbaiki tatacara pengurusan rekod juga dapat membantu dan melancarkan pengurusan rekod ladang mereka di ketiga-tiga jelapang tersebut. Peranan agensi pula hendaklah memastikan bantuan yang seharusnya diterima oleh para petani sampai kepada mereka dan sekiranya dikurangkan, para petani diberikan pilihan yang sewajarnya untuk mengantikan kekurangan yang berlaku. Pengetahuan dalam kalangan pegawai pengembangan juga perlu dipertingkat selaras dengan perubahan arus teknologi dan mekanisasi agar merek berupaya menyalurkan maklumat dan pengetahuan dengan lebih efisien dan pantas.

Impak penggunaan input subsidi pula tidak memberikan kesan yang sangat ketara kerana terdapat beberapa input subsidi yang tidak diterima oleh mereka di tiga jelapang ini iaitu pengalok percambahan benih, baja semburan dedaun, tonik tanaman dan kapur. Mereka menerima baki input subsidi lain yang mana secara umumnya memberikan impak positif kepada para petani dan berupaya dimanfaatkan sebaiknya hasil daripada subdidi input yang diterima tersebut. Namun penggunaan racun perosak dan baja organik perlu diteliti agar manfaat maksimum dapat diperoleh untuk peningkatan hasil mereka.

Perbezaan-perbezaan yang dikenal pasti ini sekiranya ditangani dengan baik dengan memperbaiki amalan kerja, bentuk-bentuk khidmat

nasihat dan sokongan daripada agensi seperti yang disarankan berupaya untuk membantu meningkatkan hasil pengeluaran di kawasan gelap tersebut dan mengurangkan jurang hasil yang sedia ada.

4.7. RUJUKAN

- Noorlidawati, A.H., Rozita, M.Y. (2015). Jaminan bekalan makanan di Malaysia: Perspektif pemain industri." *Economic and Technology Management Review*, 10a: 1 – 10.
- Paulu W. 2011. Social Development Policies on Informal Sector in Solo. *International Journal of Administrative Science & Organization*, 18(2): 94 – 107.
- Rosnani, H. 2016. *Kajian penandaarasan dan memprospek teknologi pengeluaran padi*. Laporan Kajian Sosioekonomi, Serdang: Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

4.8. LAMPIRAN

Lampiran 4.1. Faktor penyumbang Struktur kepada jurang hasil

Variabel		IADA Seberang Perak	IADA Kerian	IADA Barat Laut Selangor	Faktor penyumbang	Indikator
	N	60	60	60		
	Purata Hasil (tan)	5.60	4.59	6.30		
JS1 - Lokasi sawah dekat dengan sumber air		55/60	56/60	59/60	Tidak	> 75%
		92%	93%	98%		
JS2 - Jenis tanah		Liat	Liat	Liat	Tidak	Liat/ selut hitam, > 50%
		82%	70%	53%		
JS3 - Hadir kursus		54/60	32/60	19/60	Ya	> 75%
		90%	53%	32%		
JS4 - Terima subsidi (Jenis subsidi=11)		7	7	7	Ya	
JS5 - Penglibatan agensi (selain IADA)		LPP	LPP & JP	LPP	Ya	
JS6 - Panduan penanaman (<i>rice check</i>)		Ada	Ada	Ada	Tidak	

Lampiran 4.2 Faktor Penyumbang Proses kepada jurang hasil

Variabel		IADA Seberang Perak	IADA Kerian	IADA Barat Laut Selangor	Faktor penyumbang	Indikator
	N	60	60	60		
	Purata Hasil (tan)	5.60	4.59	6.30		
JP1. Status pesawah	Usahawan	5.29	4.64	-	Tidak	Hasil >3 tan
	Sepenuh masa	5.68	4.74	6.30		
	Separuh masa	4.97	4.07	6.40		
JP2. Pemantauan tanaman		5/7 hari	4/7 hari	6/7 hari	Tidak	>=4 hari
JP3. Aktiviti ladang mengikut panduan penanaman	1) Penyediaan benih	58%	64%	70%	Ya	< 75%
	2) Kaedah menanam / menabur benih	100%	100%	100%	Tidak	< 75%
	3) Penyediaan tanah	52%	58%	35%	Ya	< 75%
	4) Pembajakan	83%	86%	86%	Tidak	< 75%

	tanah					
	5) Pengurusan air	90%	71%	66%	Ya	< 75%
	6) Pembajaan	73%	76%	67%	Ya	< 75%
	7) Pengurusan rumpai	34%	61%	41%	Ya	< 75%
	8) Pengurusan perosak & penyakit	61%	56%	67%	Ya	< 75%
	9) Pengurusan lepas tuai	99%	98%	92%	Tidak	< 75%
JP4. Masalah dan kekangan	1) Kos modal	78%	81%	79%	Ya	> 75%
	Kos input tinggi	81%	84%	86%		
	Kurang modal pusingan	74%	77%	71%		
	2) Tenaga kerja	69%	67%	54%	Tidak	> 75%
	Kurang tenaga pekerja	67%	63%	56%		
	Usia petani	73%	69%	53%		
	Tiada waris	66%	68%	53%		
	3) Teknologi	72%	71%	64%	Tidak	> 75%
	Kurang pengetahuan teknologi	72%	71%	64%		
	4) Input	62%	68%	60%	Tidak	> 75%
	Input sukar diperoleh	62%	68%	60%		
	5) Infrastruktur	65%	63%	59%	Tidak	> 75%
	Tanah tidak sesuai	63%	57%	58%		
	Pengurusan air tidak cekap	67%	69%	59%		
	6) Penyakit dan Perosak	73%	78%	75%	Ya	> 75%
	Masalah perosak penyakit	73%	79%	75%		
	Masalah rumpai	72%	76%	74%		
	7) Lepas tuai	64%	68%	65%	Tidak	> 75%
	Masalah penuaian	62%	71%	68%		
	Masalah pemasaran	60%	60%	56%		
	Harga padi tidak stabil	65%	68%	59%		
	Peratus potongan tinggi	79%	86%	90%		
	Masalah pengangkutan padi	56%	57%	52%		
8) Khidmat agensi	60%	75%	59%	Ya	> 75%	
Kurang pemantauan	60%	75%	59%			

Lampiran 4.3 Faktor Penyumbang Budaya kepada jurang hasil

Variabel	IADA Seberang Perak	IADA Kerian	IADA Barat Laut Selangor	Faktor penyumbang	Indikator
	N	60	60		
Purata hasil (tan)	5.60	4.59	6.30		
JB1 - Faedah Kursus	76%	80%	74%	Ya	> 75%
1) Pengetahuan teknologi terkini	76%	79%	74%		
2) Kefahaman teknologi	75%	82%	75%		
3) Amalan penanaman	76%	80%	74%		
4) Motivasi diri	76%	81%	76%		
5) Kesedaran menggunakan teknologi terkini	77%	80%	74%		
6) Kerjasama antara petani	74%	79%	74%		
7) Kerjasama dengan agensi	75%	76%	75%		
JB2 - Peningkatan pengetahuan daripada kursus	87%	88%	92%	Tidak	> 75%
1) Penyediaan benih	87%	90%	89%		
2) Penyediaan tanah	86%	86%	92%		
3) Pembajakan tanah	88%	87%	93%		
4) Pengurusan air	88%	89%	93%		
5) Pembajaan	88%	91%	92%		
6) Pengurusan rumpai	87%	89%	92%		
7) Pengurusan P&D	87%	86%	92%		
8) Pengurusan Lepas Tuai	84%	84%	92%		
JB3 - Kepercayaan terhadap sumber maklumat	75%	74%	74%	Ya	> 75%
1) Pegawai pengembangan daripada agensi	78%	78%	75%		
2) Pegawai PPK	73%	75%	75%		
3) Pegawai Jabatan Pertanian	77%	76%	75%		
4) Ketua unit/blok	76%	76%	75%		
5) AJK projek	76%	74%	75%		
6) <i>Service provider</i>	76%	80%	75%		
7) Kawan-kawan	75%	72%	74%		
8) Syarikat swasta (racun)	73%	68%	72%		
9) Pengeluar benih	74%	72%	73%		
JB4 - Keberkesanan maklumat yang diberikan oleh agensi	75%	76%	75%	Tidak	> 75%
1) Amalan pertanian (keseluruhan)	74%	77%	75%		
2) Kewangan/subsidi	76%	78%	75%		
3) Pengurusan tanah	72%	75%	75%		
4) Kaedah penanaman	75%	75%	75%		
5) Pengurusan penyakit/perosak	76%	75%	75%		
6) Pengurusan rumpai	74%	75%	75%		
7) Pengairan	76%	76%	75%		

8)	Pembajaan	75%	78%	75%		
9)	Peralatan sawah	73%	76%	X		
10)	Pengurusan lepas tuai	76%	75%	75%		
JB5 - Faktor persekitaran		77%	76%	75%	Tidak	> 75%
1)	Faktor cuaca	83%	83%	73%		
2)	Faktor bencana alam	81%	76%	85%		
3)	Faktor tanah	81%	82%	73%		
4)	Faktor sumber air	85%	84%	71%		
5)	Faktor pencemaran air	68%	74%	80%		
6)	Faktor pencemaran udara	68%	68%	70%		
7)	Faktor sisa jerami	73%	69%	73%		
JB6 - Faktor lokasi		78%	81%	64%	Ya	> 75%
1)	Lokasi sawah	73%	69%	42%		
2)	Status air	81%	78%	54%		
3)	Kualiti petak sawah	78%	80%	55%		
4)	Kualiti benih	80%	87%	82%		
5)	Kadar benih	78%	86%	76%		
6)	Status nutrien tanah	79%	85%	76%		
JB7 - Faktor Amalan		81%	78%	78%	Tidak	> 75%
1)	Kawalan rumpai	83%	84%	77%		
2)	Kawalan perosak penyakit	83%	84%	84%		
3)	Kecekapan penuaian	80%	74%	76%		
4)	Penggunaan jentera mesin	80%	71%	75%		

Lampiran 4.4. Impak Struktur bagi penerimaan input subsidi

Variabel	IADA Seberang Perak	IADA Kerian	IADA Barat Laut Selangor	Faktor penyumbang	Indikator
	N	60	60		
	Purata Hasil (tan)	5.60	4.59	6.30	
Baja sebatian (kg)	240	240	240	Tidak	Terima bantuan
Urea (kg)	80	80	80	Tidak	Terima bantuan
Baja tambahan (kg)	150	150	150	Tidak	Terima bantuan
Racun perosak (RM)	200	200	200	Tidak	Terima bantuan
Penggalak pencambahan benih	X	X	X		Terima bantuan
Baja semburan dedaun	X	X	X		Terima bantuan
Tonik tanaman	X	X	X		Terima bantuan
Baja organik (kg)	100	100	100	Tidak	Terima

					bantuan
Kapur dan upah	X	X	X		Terima bantuan
Membajak (RM)	100	100	100	Tidak	Terima bantuan
Harga padi (RM)	300	300	300	Tidak	Terima bantuan

(X=tidak menerima)

Lampiran 4.5 Impak Proses bagi penerimaan input subsidi

Variabel	IADA			Faktor penyumbang	Indikator
	Seberang Perak	Kerian	Barat Laut Selangor		
N	60	60	60		
Purata Hasil (tan)	5.60	4.59	6.30		
Baja sebatian (kg)	2	2	2	Tidak	Kekerapan Mod*
Urea (kg)	2	2	2	Tidak	Kekerapan Mod*
Baja tambahan (kg)	2	2	2	Tidak	Kekerapan Mod*
Racun perosak (RM)	1	2	2	Ya	Kekerapan Mod*
Penggalak pencambahan benih	X	X	X		Kekerapan Mod*
Baja semburan dedaun	X	X	X		Kekerapan Mod*
Tonik tanaman	X	X	X		Kekerapan Mod*
Baja organik (kg)	2	2	2	Tidak	Kekerapan Mod*
Kapur dan upah	X	X	X		Kekerapan Mod*
Membajak (RM)	2	2	2	Tidak	Kekerapan Mod*

*(1=Lewat terima, 2= Tepat pada waktunya, 3=Cepat terima) dan (X=tidak menerima)

Lampiran 4.6 Impak Budaya bagi penerimaan input subsidi

Variabel	IADA			Faktor penyumbang	Indikator
	Seberang Perak	Kerian	Barat Laut Selangor		
N	60	60	60		
Purata hasil (tan)	5.60	4.59	6.30		
SB1- Baja sebatian	75%	78%	75%	Tidak	< 75%

Keberkesanan terhadap peningkatan hasil	(kg)					
	Urea (kg)	77%	76%	75%	Tidak	< 75%
	Baja tambahan (kg)	78%	80%	75%	Tidak	< 75%
	Racun perosak (RM)	74%	73%	75%	Ya	< 75%
	Penggalak pencambahan benih	X	X	X		< 75%
	Baja semburan dedaun	X	X	X		< 75%
	Tonik tanaman	X	X	X		< 75%
	Baja organik (kg)	70%	74%	55%	Ya	< 75%
	Kapur dan upah	X	X	X		< 75%
	Membajak (RM)	77%	76%	76%	Tidak	< 75%
	Harga padi (RM)	74%	76%	76%	Ya	< 75%
	SB2-Kesan penggunaan terhadap kehidupan	Aktiviti sawah	3	3	2	Ya
Kesuburan tanah		3	3	2	Ya	Kekerapan Mod**
Kos upah		3	3	2	Ya	Kekerapan Mod**
Kos pengeluaran		3	3	2	Ya	Kekerapan Mod**
Peningkatan pendapatan		3	3	2	Ya	Kekerapan Mod**
Keselesaan hidup		3	3	2	Ya	Kekerapan Mod**
Masalah rumpai (-ve)		3	3	2	Ya	Kekerapan Mod**
Penyakit perosak (-ve)		3	2	2	Ya	Kekerapan Mod**

** (1=Menurun, 2= Tiada perubahan, 3=Meningkat) dan (X=tidak menerima)